



PELANTIKAN YB. DATO' JALALUDDIN ALIAS SEBAGAI PENERUSI BAHARU UDA HOLDINGS BERHAD

Kuala Lumpur, 14 Mei 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) mengumumkan pelantikan YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias sebagai Pengerusi UDA Holdings Berhad (UDA) berkuat kuasa hari ini (13 Mei 2020).

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias merupakan Ahli Parliman Jelevu merangkap Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia dan Ketua UMNO Bahagian Jelevu. Sebelum itu beliau pernah menjawat jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (Pengerusi Bertindak Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan pernah bertugas serta mempunyai pengalaman bekerja sebagai Pegawai Khas Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah/Jempol dan Jelevu pada 1990 hingga 1991.

Kami mengalu-alukan pelantikan Pengerusi baharu UDA dalam barisan kepimpinan syarikat dan berharap beliau akan dapat menyuntik semangat dan menjadi aspirasi untuk UDA terus mencapai kecemerlangan serta bersedia menggalas setiap amanah yang diberikan.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), merupakan salah satu organisasi pemaju hartanah, pengurusan aset, fasiliti, dan hospitaliti yang mampan serta berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan aset dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di uda.com.my atau laman Facebook [facebook.com/UDAHoldings](https://www.facebook.com/UDAHoldings) dan Instagram [@uda_official](https://www.instagram.com/uda_official).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa) | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
- Latifah Osman (Lat) | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500

| Fax : +603 2731 2855